

Untung suku ketiga TH Plantations meningkat 20 peratus

November 28, 2023 | 2:29pm



KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM28.6 juta bagi suku ketiga berakhir 30 September 2023, meningkat 20 peratus berbanding RM23.9 juta yang dilaporkan pada suku yang sama tahun 2022.

Keuntungan selepas cukai dan faedah minoriti (PATAMI) meningkat sebanyak 22 peratus kepada RM17.6 juta berbanding RM14.4 juta pada suku yang sama tahun lalu.

Pendapatan bagi suku ketiga meningkat kepada RM216.6 juta, berbanding RM213.3 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu disokong oleh volum jualan buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi walaupun purata harga realisasi produk minyak dan pengeluaran sawit rendah sedikit.

Pendapatan lebih baik pada suku ketiga juga disumbangkan oleh nilai saksama yang lebih tinggi bagi aset biologi berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, berkata prestasi kumpulan akan terus didorong oleh pengeluaran BTS dan pergerakan harga minyak boleh dimakan global.

Katanya, pengeluaran keseluruhan BTS dan minyak sawit mentah (MSM) syarikat dijangka akan meningkat pada suku keempat 2023.

"Kami akan terus mengambil semua langkah yang perlu untuk menambah baik asas-asas kumpulan termasuk mengoptimumkan inisiatif pengilangan, penyatuan, penjenteraan dan inisiatif transformasi di semua ladang dan kilang untuk mengukuhkan kecekapan keseluruhan dan pengurusan kos," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Harga produk minyak sawit dijangka kekal stabil pada paras semasa sehingga akhir tahun, berikutan penggunaan tempatan yang kukuh di Malaysia dan Indonesia, serta kebimbangan cuaca kering di Brazil dan Indonesia, walaupun permintaan yang kurang memberangsangkan dan stok yang lebih tinggi di Malaysia.

Tanpa sebarang keadaan yang tidak dijangka, kumpulan menjangkakan prestasi kewangan yang memuaskan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

THP juga optimis bahawa strategi dan inisiatif semasa mampu menangani isu dan cabaran yang berterusan serta mengekalkan kos efektif.